

SPPS kekalkan kejuaraan Kejohanan

Olahraga Antara Sekolah-Sekolah UMS

UB 25.4.2014 A15

Oleh JOHAN AZIZ

KOTA KINABALU: Kontinjen dari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) mengekalkan kejuaraan Kejohanan Olahraga Antara Sekolah-Sekolah kali ke 15 Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

SPPS yang diwakili seramai 45 orang atlet memenangi 22 pingat emas, 7 pingat perak dan 3 pingat gangsa bagi mengungguli dan mengekalkan gelaran juara secara keseluruhan kejohanan.

Ketua kontinjen SPPS Hasnol Noordin berkata, kejayaan kontinjen SPPS adalah merupakan antara pencapaian yang terbaik yang pernah

mereka peroleh di bawah pimpinannya dan dibantu oleh Dr. Mohamad Nizam Nazarudin.

Walaupun jumlah pingat emas yang dimenanginya itu menurun berbanding pada tahun-tahun lalu, sebanyak 24 pingat emas, 12 pingat perak dan 5 pingat gangsa namun ini disebabkan beberapa acara tidak dipertandingkan.

"Meskipun berlaku penurunan pingat emas namun kontinjen SPPS masih mengekalkan kejuaraan mereka," katanya.

Kejuaraan kontinjen ini diwarnai dengan pemilihan atlet yang begitu berbakat besar iaitu raja pecut dan ratu pecut UMS terdiri Eldy Sham Erkot dan Merrey Gabali yang



ELDY (kanan) dan Merrey masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati.

turut di anugerahkan sebagai olahragawan dan olahragawati terbaik bagi kejohanan tahun

ini.

Eldy telah merangkul tiga emas dalam acara 4x100m, 200m dan 100m, manakala Merry Gabalit telah merangkul dua emas dalam lompat kijang dan 100m. Mereka turut memecahkan rekod kejohanan.

Dengan penyertaan yang ramai dari kontinjen SPPS telah membuatkan hampir kesemua acara yang dipertandingkan telah dirangkul oleh kontinjen ini dan kelihatan terpancar wajah ceria di muka timbalan ketua kontinjen SPPS, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang merupakan antara salah satu pensyarah di SPPS apabila telah berjaya mengekalkan kejuaran dan dapat menaikkan nama kontinjen ini lagi.



KONTINJEN SPPS mengekalkan kejuaraan.